

SSM sumbang RM33,000 kepada 11 sekolah di Pahang

Oleh KOSMO! | 10 Januari 2023, 7:02 pm



Ketua Pegawai Eksekutif SSM, Datuk Nor Azimah Abdul Aziz (kiri) bersama Datuk Azman Mohd Yusof, Ketua Setiausaha KPDN merangkap Pengerusi SSM dan Salahuddin (tengah) pada majlis penyampaian sumbangan CSR di Kuala Lumpur baru-baru ini.

PETALING JAYA – Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) telah menyampaikan sumbangan bagi memenuhi Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) berjumlah RM33,000 kepada 11 buah sekolah terpilih di negeri Pahang.

Sekolah yang menerima sumbangan yang disampaikan oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Datuk Seri Salahuddin Ayub dalam satu majlis di yang diadakan baru-baru ini adalah Maktab Rendah Sains MARA (MRSRM) iaitu MRSRM Bentong, MRSRM Kuantan, MRSRM Tun Abdul Razak, Pekan, MRSRM Muadzam Shah, MRSRM ATM Bera dan MRSRM Tun Ghazali Shafie, Kuala Lipis.

Lima lagi penerima sumbangan tersebut terdiri daripada sekolah-sekolah di bawah Pejabat Pendidikan Daerah Bentong iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Bentong, SMK Ketari, SMK Sulaiman, Kolej Vokasional Tengku Ampuan Afzan dan Sekolah Menengah Agama Persekutuan Bentong.

Menurut kenyataan yang dikeluarkan SSM, sumbangan tersebut bertujuan untuk menggalakkan budaya inovasi di kalangan para pelajar sekolah ke arah melahirkan generasi pelajar yang lebih kreatif dan berinovatif.

“Setiap satu daripada institusi pendidikan ini telah menerima sumbangan sebanyak RM3,000,” jelasnya.

Bagi 1 Januari 2022 hingga 31 Disember 2022, SSM telah mengagihkan sumbangan CSR berjumlah RM884,685. -KOSMO! ONLINE